

Pelan tindakan khas untuk warga emas

Kuala Lumpur: Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) merancang untuk membangunkan pelan tindakan khas bagi warga emas bagi memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup golongan berkenaan menjadi lebih baik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, pihaknya perlu bersedia berdepan peningkatan golongan warga emas dengan jangkaan Malaysia akan memasuki fasa negara menua menjelang 2030.

“Di Kuala Lumpur, jumlah individu berusia 60 tahun ke atas adalah sebanyak 9.18 peratus, manakala Labuan 8.17 peratus dan Putrajaya 3.57 peratus.

“Bagaimanapun, kami perlu bersedia dengan fasa itu (negara menua) dengan merangka pelan tindakan untuk warga emas yang inklusif dalam mendepani cabaran itu,” katanya pada Majlis Sesi Temu Rapat Dr Zaliha bersama Persatuan, Wakil Masyarakat dan Organisasi Berkaitan Warga Emas Wilayah Persekutuan di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini, semalam.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.



Di Kuala Lumpur, jumlah individu berusia 60 tahun ke atas adalah sebanyak 9.18 peratus, manakala Labuan 8.17 peratus dan Putrajaya 3.57 peratus”

Dr Zaliha

Dr Zaliha berkata, pelan tindakan yang dirancang itu perlu memberi impak positif kepada golongan berkenaan dari segi ekonomi dan sosial.

“Justeru itu, kami mengadakan sesi rapat ini sebagai platform bagi mendapatkan input dan maklumat berkaitan keperluan serta cabaran dihadapi golongan warga emas.

“Ini juga termasuk pembabitan aktif daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam persatuan dan organisasi bagi memahami harapan serta hasrat golongan terbabit,” katanya.

Dalam sesi itu, ia turut membincangkan isu asas dihadapi warga emas di Wilayah Persekutuan seperti akses kepada perkhidmatan kesihatan, bantuan kewangan dan perumahan yang selamat.